

# Pahang jamin pantai di Kuantan bebas pencemaran bauksit

**KUANTAN** - Kerajaan negeri Pahang memberi jaminan bahawa kawasan pantai dan perairan di sekitar daerah ini terutamanya di kawasan Bese-rah, Teluk Cempedak dan Balok kini adalah bebas daripada kesan pencemaran akibat perlombongan bauksit.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsuddin berkata, sejak arahan moratorium bauksit berkuat kuasa bermula Januari lalu, pelbagai langkah telah diambil bagi mengurangkan kesan pencemaran akibat perlombongan mineral tersebut.

“Kami telah tampil dengan langkah penyelesaian baharu, kini kejadian laut merah tidak lagi berlaku di daerah ini dan kami akan pastikan ia tidak akan berulang pada masa akan datang.

“Dalam tempoh tiga bulan moratorium berkuat kuasa, kerajaan negeri akan menyediakan kaedah bersesuaian untuk memindahkan bauksit dari kawasan perlombongan ke kapal bagi tujuan eksport dengan tidak mencemarkan alam sekitar,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan program Balok Wind Challenge di Pantai Balok di sini semalam.